



JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA

9 JANUARI 2024 (SELASA)

Empat Suspek Kes Curi Lembu Ditahan

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
Sinar Harian	Negeri	25	9 Jan

Empat suspek kes curi lembu ditahan

RAUB - Empat lelaki ditahan kerana disyaki terlibat dalam kegiatan mencuri lembu milik penternak di Ladang Krau 4, di sini Sabtu lalu.

Suspek berusia 23 hingga 31 tahun itu berjaya ditahan selepas kereta dinaiki mereka terbabas di tapak pasar malam Mempaga.

Ketua Polis Daerah Raub, Superintenden Mohd Shahril Abd Rahman berkata, hasil pemeriksaan ke atas kereta jenis Proton Wira yang digunakan menemui dua ekor lembu yang cuba dilarikan.

Menurutnya, tiga suspek yang ditahan dibawa ke Ibu Pejabat Polis Daerah Raub untuk siasatan lanjut, manakala seorang lagi dihantar ke Hospital Sultan Haji Ahmad Shah (HoSHAS) Temerloh untuk dirawat selepas cedera dalam kemalangan.



Lembu milik penternak di Ladang Krau 4, Raub yang dilarikan oleh empat lelaki pada Sabtu.

"Siasatan awal mendapati, pada awal pagi hari kejadian, beberapa pemilik lembu di ladang itu membuat rondaan bagi menjaga ternakan mereka dan menyedari kereta tersebut berada di tepi jalan ladang da-

lam keadaan mencurigakan.

"Ketika mereka menghampirinya untuk pemeriksaan, pemandu kereta memcut kenderaan itu, melarikan diri menghala ke jalan utama Mempaga-Lebu.

"Beberapa penternak mengejar kereta tersebut hingga kenderaan dinaiki suspek terbabas di tapak pasar malam Mempaga," katanya.

Mohd Shahril berkata, selepas kemalangan itu, penternak terbabit menghubungi rakan mereka yang dipercayai pemilik haiwan dicuri untuk mengenal pasti dua ekor lembu yang ditemui dalam kereta suspek.

"Hasil semakan lelaki itu mendapati dua lembu yang ditemui itu adalah ternakannya yang dicuri di ladang tersebut. Susulan itu, pemilik lembu terbabit membuat laporan polis pada kira-kira jam 7.50 pagi hari yang sama," katanya.

Beliau berkata, semua suspek ditahan untuk siasatan lanjut dan kes disiasat di bawah Seksyen 379 Kanun Keseksaan.

Diusahakan Oleh Anak Tempatan, Bachok Jadi Perintis Ternakan
Lembu Wagyu Di Malaysia

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
Vocket	Bisnes	Online	9 Jan



Sumber Gambar: FB Mohamad Sabu

Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan Datuk Seri Mohamad Sabu (Mat Sabu) menyatakan jajahan Bachok menjadi perintis ternakan lembu wagyu di negara ini apabila ia diusahakan secara insentif dan bersungguh-sungguh oleh anak tempatan bumiputera.

Mat Sabu berkata beliau amat gembira dan berbangga dengan usaha berani itu kerana bidang ternakan tersebut disifatkan sebagai berprestij tinggi.

Beliau berkata sedemikian

selepas melakukan lawatan ke Bachok untuk melihat sendiri Projek Pembiakan dan Penternakan Lembu Wagyu Milik Kelfram Sdn. Bhd yang terletak di Kampung Senang, Jelawat, semalam.

“Saya harap semua pihak termasuk agensi pusat dan negeri perlu bekerjasama dalam membantu mengembangkan lagi usaha ini.

“Apa yang dilakukan di Jelawat ini (Kampung Senang) mampu

berkembang dengan bantuan sains serta teknologi,” jelasnya.

Beliau turut meminta badan-badan kerajaan dapat memudahkan urusan supaya industri penternakan dapat berkembang pada masa akan datang.

“Tahniah dan syabas saya ucapkan kepada Ladang Wagyu Kelfarm kerana berjaya membuktikan anak tempatan mampu berjaya dalam penternakan lembu Wagyu yang cukup tinggi nilainya.

“Saya mohon agensi dan jabatan di bawah Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan untuk memberikan perhatian yang lebih kepada penternak-penternak yang ingin membesarkan perniagaan mereka. Permudahkan urusan supaya industri penternakan dalam negara dapat berkembang dengan lebih pesat,” petik perkongsian Instagram Mat Sabu.

Sementara itu, Ahli Parlimen Kota Raja memberitahu, ternakan lembu itu mempunyai potensi yang besar. Ini kerana permintaan terhadap daging wagyu agak tinggi terutama di Kuala Lumpur.

“Hotel-hotel lima bintang di Kuala Lumpur bukan semua ada menyediakan daging wagyu kerana bekalan masih belum mencukupi.

“Selain itu, saya percaya jika ada yang mahu melaksanakan ibadah korban pada Hari Raya Aidiladha menggunakan lembu wagyu permintaannya ada terutama di Kuala Lumpur, Shah Alam, Damansara dan sekitarnya,” ujarnya.-[VOCKET](#)

RM50 Juta Bantu Petani, Peladang, Penternak, Nelayan Terjejas Banjir - Mohamad Sabu

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
BH Online	Nasional	Online	9 Jan



Mohamad (dua kiri) diiringi oleh Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Industri Agromakanan dan Komoditi, Tuan Saripuddin Tuan Ismail (kiri) menyampaikan bantuan terjejas banjir kepada sebahagian golongan pesawah sewaktu menunggu masa penuaian padi ketika hadir sempena lawatan kerja di Majlis Sentuhan Agro Madani negeri Kelantan di Dewan Serai Wangi RTC FAMA Kelantan. - Foto NIK ABDULLAH NIK OMAR

KOTA BHARU: Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) memperuntukkan RM50 juta bagi membantu petani, penternak, peladang dan nelayan di negeri yang terjejas banjir.

Menterinya, Datuk Seri Mohamad Sabu, berkata peruntukan menerusi Tabung Bencana Pertanian itu akan memberikan pampasan sehingga 50 peratus daripada nilai kerugian.

"Pada masa sama, Agrobank

turut menyediakan kemudahan pinjaman kepada pengusaha agromakanan sehingga RM430 juta.

"Agrobank juga memberikan moratorium sehingga enam bulan kepada peminjam sedia ada yang terjejas banjir," katanya pada sidang media selepas Majlis Agro Madani Kelantan, di sini, hari ini.

Beliau berkata, berdasarkan laporan KPKM Kelantan, laporan awal kerugian yang

dialami sektor agromakanan di negeri itu sebanyak RM20.3 juta membabitkan seramai 1,875 orang.

"Ia membabitkan 10 daerah di negeri itu yang terjejas banjir termasuk Tumpat, Kota Bharu, Pasir Mas, Bachok, Tanah Merah, Machang dan Jeli.

"Daripada jumlah kerugian sektor agro makanan di Kelantan, sebanyak RM11 juta membabitkan tanaman padi," katanya.

Dalam perkembangan lain, Mohamad berkata, selaras dengan konsep Keterjaminan Makanan Tanggungjawab Bersama, program pengukuhan keterjaminan makanan, ia bukanlah tanggungjawab KPKM semata-mata sebaliknya ia membabitkan peranan semua pihak.

"Menerusi Belanjawan 2024, sejumlah RM400 juta disediakan bagi pelaksanaan pelbagai inisiatif khusus dengan memberikan penekanan dan meningkatkan pengeluaran domestik dan kadar sara diri komoditi makanan utama.

"Daripada jumlah berkenaan, sebanyak RM150 juta diperuntukan untuk kerjasama dengan kerajaan negeri dalam mengoptimumkan penggunaan tanah bagi meningkatkan hasil tanaman dan ternakan," katanya.-
[BHONLINE](#)

Banjir: RM50 Juta Bantu Pemain Agromakanan Yang Terkesan

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
Utusan Malaysia	Nasional	Online	9 Jan



MOHAMAD Sabu (kiri) menyampaikan sumbangan kepada salah seorang penerima selepas Majlis Sentuhan Agro Madani Peringkat Negeri Kelantan 2024 di Pusat Transformasi Luar Bandar (RTC) Pejabat Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (Fama) di Tunjung, Kota Bharu, Kelantan-UTUSAN/ROSLIZA MOHAMED

KOTA BHARU: Kerajaan memperuntukkan sebanyak RM50 juta bagi membantu pemain industri agromakanan yang terjejas dengan banjir baru-baru ini.

Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan Datuk Seri Mohamad Sabu berkata, bantuan di bawah Tabung Bencana Pertanian itu memberi pampasan sehingga 50 peratus daripada nilai kerugian yang ditanggung oleh mereka.

“Bantuan yang bermula hari ini

melibatkan petani, penternak, peladang dan nelayan. Di Kelantan seramai 1,875 orang penerima yang telah dikenal pasti oleh pihak kementerian melibatkan peruntukan RM20,308,752.

“Kesemua penerima ini dari jajahan Tumpat, Kota Bharu, Pasir Mas, Bachok, Tanah Merah, Pasir Puteh, Machang, Jeli, Kuala Krai dan Gua Musang,” katanya pada sidang akhbar selepas Majlis Sentuhan Agro Madani Peringkat Negeri Kelantan 2024 di Pusat Transformasi

Luar Bandar (RTC) Pejabat
Lembaga Pemasaran
Pertanian Persekutuan
(Fama) di Tunjung di sini hari
ini.

Mohamad memberitahu,
pada masa pihaknya turut
mengumpulkan maklumat
berkait dengan pemain
industri agromakanan yang
terjejas dengan banjir di
negeri-negeri lain.

Katanya, kumpulan ini bukan
sahaja kehilangan sumber
pendapatan tetapi ada dalam
kalangan mereka mengalami
kerugian apabila tanaman,
ternakan, jentera dan
infrastruktur ditenggelami
banjir.-[UTUSAN](#)

TERIMA KASIH

DISEDIAKAN OLEH:

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR